

# UMS bersama La Salle anjur Kejohanan Ragbi Sentuh 2013

17.5.2013 23

KOTA KINABALU: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pelajar Program Sains Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama S.M La Salle telah menganjurkan Kejohanan Ragbi Sentuh buat julung kalinya di padang S.M La Salle, di sini, baru-baru ini.

Kejohanan yang bertemakan 'How Far Can You Go' itu berjaya menarik penyertaan sebanyak 12 pasukan iaitu enam pasukan wanita dan selebihnya pasukan lelaki.

Pasukan wanita dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan A yang dianggotai pasukan Sains Sukan (SS) UMS A, Michaelian Bulldozers dan IPG Keningau. Manakala, kumpulan B terdiri daripada pasukan SS UMS B, Penampang Pengait dan SMPO II.

Bagi pasukan lelaki, Kumpulan A terdiri daripada SS UMS A, Ranau Titan dan OSCA. Manakala, pasukan SS UMS B, KK Sharks dan IPG Keningau bersaing dalam Kumpulan B.

Kejohanan itu telah dikendalikan oleh tujuh orang pengadil yang diketuai oleh Penilai Pengadil Antarabangsa (IRB) Dr. Mohamad Nizam Nazarudin yang juga merupakan pensyarah Universiti Malaysia Sabah.

Kategori Bowl wanita menyaksikan persaingan sengit antara pasukan SS UMS B menentang Michaelian Bulldozers.

Permainan berpihak kepada pasukan SS UMS B dengan kemenangan tipis 2-1.

Ranau Titans pula menguasai perlawanan akhir Bowl kategori lelaki dengan kemenangan 2-0 menyalahkan pasukan SS UMS B.

Bagi kategori Plate, pasukan wanita iaitu Penampang Pengait terpaksa akur dengan pasukan IPG Keningau apabila mereka tewas tipis dengan 0-1.

Pasukan KK Shark pula berjaya menggagalkan misi pasukan SS UMS A untuk merangkul juara apabila pasukan itu menang tipis 1-0 dalam perlawanan akhir Bowl lelaki.

Manakala, pasukan SMPO II pula muncul pemenang untuk Kategori Cup wanita sama seperti pasukan IPG Keningau yang muncul pemenang dalam kategori Cup Lelaki.

Dalam pada itu, Penolong Kanan S.M La Salle, Safri Jeffri berkata, kombinasi pihaknya dengan UMS telah menjalinkan ikatan persahabatan yang baik disamping memeriahkan lagi kejohanan pada hari tersebut.

Tambah beliau lagi, kerjasama itu juga sekaligus mampu menyemarakkan lagi sukan ragbi di negeri ini. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Exco Sukan dan Rekreasi MPP UMS, Pang Ngiap Ting.



LASAK ... persaingan yang dipamerkan oleh pasukan UMS menentang KK Sharks.



SEDIA MENCABAR ... Pasukan UMS yang sedia beri tentangan kepada lawan.



HADIAH ... Penyampaian hadiah oleh wakil SM La Salle.



LEPASI HALANGAN ... pemain UMS melakukan larian.



ALBUM ... ADr Nizam (tengah) bersama pengadil utama kejohanan.



KEJAR ... Pemain UMS berjaya melepasi pemain Penampang.



HANTARAN BERGAYA ... aksi membuat hantaran jauh kepada rakan.



CUBA RAMPAS ... aksi pemain UMS melepasi lawan.



MANTAP ... Pasukan Ragbi Wanita Sains Sukan UMS.



AKSI BERTENAGA ... Antara aksi ragbi sentuh wani a